

Kajian BCA: 'Bangunan Hijau' baik pada kesihatan, jimat tenaga

MEREKA yang bekerja di bangunan 'menghijau' lebih kurang mengalami masalah letih, sakit kepala dan juga kegatalan kulit – menurut satu kajian yang menunjukkan manfaat bangunan sedemikian melebihi tujuan utamanya iaitu menjimatkan tenaga.

Dapatan yang didedahkan semalam akan dapat membantu Penguasa Bangunan dan Pembinaan (BCA) dalam menggandakan usahanya dalam menggalak pembangunan 'bangunan hijau' di sini.

Juga diumumkan pada hari sama, BCA menyatakan lebih banyak bangunan akan dijadikan lebih mesra alam.

Usaha itu termasuk memperbaiki mutu udara dalam bangunan bagi penghuninya selain mengaitkan perangkaan terhadap penggunaan tenaga bangunan komersial dengan identiti mereka.

Kajian itu dijalankan BCA dan Universiti Nasional Singapura (NUS) ke atas lapan bangunan pejabat yang menerima pensijilan Tanda Hijau - yang mempunyai desain kemampuan persekitaran serta enam bangunan pejabat yang tidak menerima pensijilan.

Dapatan kajian itu didedahkan semasa pembukaan Minggu Bangunan Hijau di Pusat Konvensyen Marina Bay Sands Expo.

Kajian yang dijalankan ke atas penghuni mendapati mereka yang bekerja di bangunan dengan pensijilan Tanda Hijau lebih berpuas hati dengan suhu, kadar kelembapan, cahaya lampu, mutu udara dan persekitaran pejabat, kata BCA.

“Sebagai penguasa bangunan, kami memulakan perjalanan bangunan menghijau ini dengan memberi tumpuan terhadap perkakasan (hardware) bangunan dan bagaimana untuk menjadikan sebuah bangunan itu lebih berkesan dari segi desain dan pembinaan,” kata seorang jurucakap BCA.

Selain itu, BCA juga berkata ia sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan (MOE) untuk menjadikan kesemua sekolah aliran utama, iaitu melebihi 300 sekolah, meraih pensijilan Tanda Hijau, kenaikan daripada 30 yang ada sekarang.

Ia juga bertujuan melatih 25,000 profesional bangunan hijau seperti arkitek dan jurutera menjelang 2025, kenaikan daripada 16,000 yang sudah dilatih sekarang.